

JANM.BKP.600-14/1/11 (01)



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA  
MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2019**

**PELAKSANAAN NAZIRAN  
OLEH PEJABAT PERAKAUNAN**

---

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**KANDUNGAN**

1. TUJUAN.....	2
2. LATAR BELAKANG .....	2
3. OBJEKTIF NAZIRAN .....	3
4. TAKRIFAN .....	3
5. PELAKSANAAN.....	5
6. HAL-HAL LAIN.....	6
7. TARIKH KUAT KUASA .....	6
8. PEMBATALAN.....	6
9. PEMAKAIAN .....	7

JANM.BKP.600-14/1/11 (01)



**KERAJAAN MALAYSIA**

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
BILANGAN 1 TAHUN 2019**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Ketua Akauntan Kementerian  
Semua Pengarah Negeri/Cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Semua Akauntan Negeri/Bendahari Negeri

**PELAKSANAAN NAZIRAN OLEH PEJABAT PERAKAUNAN**

**1. TUJUAN**

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memberi panduan kepada Kementerian/Jabatan mengenai pelaksanaan Naziran oleh Pejabat Perakaunan (*Accounting Offices - AO*) ke atas Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang menggunakan Sistem Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Kerajaan (*Integrated Government Financial Management and Accounting System - iGFMAS*) dan sistem lain yang berintegrasi dengan iGFMAS bagi memastikan pengurusan kewangan dan perakaunan adalah teratur, lengkap dan tepat.

**2. LATAR BELAKANG**

Pelaksanaan naziran oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) adalah selaras dengan Arahan Perbendaharaan 138 yang menetapkan kewajipan Akauntan Negara untuk:

- 2.1 Melaksanakan pengawasan yang sesuai untuk mengelakkan kehilangan kerana penipuan dan kecuaiian;

- 2.2 Menjalankan penyeliaan atas penerimaan hasil atau amanah Persekutuan dan mengambil langkah-langkah bagi memastikan bahawa hasil atau amanah itu dipungut tepat pada waktunya;
- 2.3 Menerima hanya perbelanjaan yang dibenarkan dengan sepatutnya sebagai pertanggungungan dalam akaunnya; dan
- 2.4 Melaporkan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan apa-apa luar aturan yang matan berhubung dengan akaun awam yang dibawa kepada perhatiannya.

### 3. OBJEKTIF NAZIRAN

#### 3.1 Objektif naziran adalah untuk:

- 3.1.1 Memastikan PTJ mematuhi semua peruntukan undang-undang, piawaian perakaunan serta peraturan kewangan dan perakaunan yang berkuat kuasa;
- 3.1.2 Membantu dan memberi khidmat nasihat mengenai piawaian perakaunan serta peraturan kewangan dan perakaunan kepada PTJ bagi memastikan PTJ mengambil tindakan ke atas penemuan naziran untuk mengelakkan teguran berulang; dan
- 3.1.3 Pemantauan dan bimbingan secara berterusan oleh AO bagi memantapkan kefahaman PTJ terhadap piawaian perakaunan serta peraturan kewangan dan perakaunan.

### 4. TAKRIFAN

#### 4.1 Pegawai Pengawal

Pegawai yang dilantik oleh Menteri Kewangan atau Menteri Besar atau Ketua Menteri di bawah Seksyen 15A Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi setiap tujuan perbelanjaan yang diperuntukkan bagi mana-mana tahun kewangan dalam anggaran, bagi mengawal, tertakluk kepada sebarang arahan yang ditujukan oleh pihak penguatkuasa kewangan, perbelanjaan yang dikuat kuasakan di bawah tujuan itu dan termasuk semua tanggungjawab Pegawai Perakaunan dan dibaca bersama Arahan Perbendaharaan 10.

#### 4.2 **Ketua Jabatan**

Ketua sesuatu sektor, bahagian atau cawangan di peringkat Ibu Pejabat atau Ketua Jabatan wilayah, bahagian, cawangan, daerah, daerah kecil atau pejabat di peringkat negeri atau Pejabat Perwakilan di luar negeri yang telah menerima Penetapan Kuasa dan Tugas secara bertulis dari Pegawai Pengawal untuk menguruskan sumber kewangan di bawah Arahan Perbendaharaan 11.

#### 4.3 **Pusat Tanggungjawab (PTJ)**

Merujuk kepada pejabat di mana Pemegang Waran Peruntukan/ Ketua Jabatan/ Pemungut telah menerima Penetapan Kuasa dan Tugas daripada Pegawai Pengawal dan bertanggungjawab untuk mengurus dan mengawal sumber kewangan di bawah seliaannya seperti peruntukan mengurus, peruntukan pembangunan, pengurusan akaun amanah, pengurusan terimaan dan sumber-sumber lain yang berkaitan.

#### 4.4 **Pejabat Perakaunan (*Accounting Offices* - AO)**

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri/Cawangan dan Bahagian Akaun Kementerian bagi Kerajaan Persekutuan manakala bagi Kerajaan Negeri merujuk kepada Pejabat Bendahari Negeri/Akauntan Negeri.

#### 4.5 **Naziran**

Mekanisme semakan, khidmat nasihat, pemantauan dan bimbingan secara berterusan ke atas PTJ berkaitan kewangan dan perakaunan untuk memastikan pematuhan ke atas peruntukan undang-undang, piawai perakaunan serta peraturan kewangan dan perakaunan yang berkuat kuasa.

#### 4.6 ***Integrated Government Financial Management and Accounting System (iGFMAS)***

Sistem Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Kerajaan yang berpusat, bersepadu dan berupaya menjana Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan berasaskan akruan dan tunai ubahsuai.

#### 4.7 **Wang Awam**

Wang Awam mempunyai pengertian yang diberi kepadanya di bawah Seksyen 3, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dan termasuklah wang tunai dan kesetaraan tunai serta semua instrumen kewangan Kerajaan.

## **5. PELAKSANAAN**

### **5.1 TANGGUNGJAWAB PUSAT TANGGUNGJAWAB**

- 5.1.1 Mematuhi semua peruntukan undang-undang, piawaian perakaunan serta peraturan kewangan dan perakaunan yang berkuat kuasa.
- 5.1.2 Bekerjasama dengan pegawai naziran dari AO bagi memastikan objektif Naziran tercapai.
- 5.1.3 Mengambil tindakan ke atas penemuan naziran untuk mengelakkan teguran berulang.
- 5.1.4 Memberi maklum balas terhadap Laporan Naziran dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat litup.
- 5.1.5 Membentangkan Laporan Naziran di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) di peringkat PTJ.

### **5.2 TANGGUNGJAWAB PEJABAT PERAKAUNAN**

- 5.2.1 Melaksanakan naziran selaras dengan panduan naziran yang dikeluarkan oleh JANM bagi memastikan PTJ mematuhi semua peruntukan undang-undang, piawaian perakaunan serta peraturan kewangan dan perakaunan yang berkuat kuasa.
- 5.2.2 Mengenal pasti risiko kehilangan, penyelewengan dan pembaziran Wang Awam serta penyalahgunaan kuasa yang berlaku dan seterusnya membantu PTJ melaksana langkah pencegahan bagi mempertingkatkan kawalan dalaman di PTJ.
- 5.2.3 Membantu dan memberi khidmat nasihat mengenai piawaian perakaunan serta peraturan kewangan dan perakaunan kepada PTJ bagi memastikan PTJ mengambil tindakan ke atas penemuan naziran.
- 5.2.4 Memantau dan memberi bimbingan secara berterusan bagi memantapkan kefahaman PTJ mengenai piawaian perakaunan serta peraturan kewangan dan perakaunan.
- 5.2.5 Memaklumkan kepada Ketua PTJ berkenaan lawatan naziran oleh AO sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum naziran dijalankan.

- 5.2.6 Menyediakan dan mengeluarkan Laporan Naziran kepada Ketua PTJ dalam tempoh 14 hari dari tarikh Mesyuarat Penutup (*Exit Meeting*) atau tarikh semakan akhir dokumen kewangan bagi persekitaran iSPLN.
- 5.2.7 JANM Negeri/Cawangan bertanggungjawab menyediakan laporan naziran dan dikemukakan kepada Bahagian Akaun Kementerian mengikut tarikh yang ditetapkan.
- 5.2.8 Bahagian Akaun Kementerian bertanggungjawab menyediakan laporan naziran disatukan dan dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP) mengikut tarikh yang ditetapkan.
- 5.2.9 Membentangkan Laporan Naziran di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) di peringkat Kementerian/Jabatan.

## 6. HAL-HAL LAIN

Pertanyaan lanjut mengenai Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia, boleh dirujuk kepada pihak berikut:

Pengarah  
Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP)  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Aras 3, Kompleks Kementerian Kewangan  
No.1, Persiaran Perdana  
62594, Presint 2  
Putrajaya

Untuk perhatian : Unit Naziran dan Inspektorat  
Emel : unit\_inbpopp@anm.gov.my  
No. Telefon : 03-8882 1618/1492

## 7. TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai pada tarikh ianya dikeluarkan.

## 8. PEMBATALAN


Dengan berkuat kuasanya surat pekeliling ini, **Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 9 Tahun 2014 rujukan ANM(T)81/10/6/10(9) bertarikh 15 Disember 2014 berkaitan Pelaksanaan Program Naziran Sistem Perancangan Dan Kawalan Bajet Elektronik (eSPKB) adalah dibatalkan.**

## 9. PEMAKAIAN

Pejabat Perakaunan dan Kementerian/Jabatan/PTJ hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam surat pekeliling ini dipatuhi. Peruntukan surat pekeliling ini juga dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing.

### “BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK SAAT BIN ESA C.A.(M))**

Akauntan Negara Malaysia

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
PUTRAJAYA

27 Mac 2019

s.k :

Ketua Setiausaha Negara  
Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Ketua Audit Negara  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua YB Pegawai Kewangan Negeri